

KEMENTERIAN SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR

Warisan Sumber Asli Untuk Kesejahteraan Alam Sekitar

www.nre.gov.my

Edisi Jan—Mac 2011



SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2011



Pekan, 12 Mac – YAB Dato Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan pelancaran Sambutan Hari Air Sedunia 2011 peringkat kebangsaan yang bertempat di Pekan Waterfront, Pekan, Pahang.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan cabaran dan isu berkaitan air perlu ditangani dengan bijak bagi memastikan keperluan untuk generasi akan datang mencukupi.

Beliau berkata, walaupun taburan hujan negara berpurata 3,000 mililiter setahun, namun bekalan air masih tidak mencukupi di beberapa tempat. Oleh itu, pelbagai strategi dan tindakan perlu dilakukan supaya keperluan air dikawasan bandar mencukupi.

Sambutan yang bertemakan "Air Untuk Kota: Keperluan dan Cabaran" merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, UNESCO-IHP, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Kementerian Tenaga, Air dan Teknologi Hijau, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang.

Bagi memeriahkan sambutan pada kali ini pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya Ekspedisi Berakit Sungai Pahang, sukan rakyat, pameran daripada Kementerian dan Jabatan/Agensi yang terlibat serta pertandingan mewarna dan melukis gambar untuk pelajar sekolah.

Selain itu, antara yang turut dirancang sepanjang tahun pada kali ini antaranya adalah Seminar Nasional, Bengkel Pengurusan Air Domestik untuk Perempuan, Kem Pemimpin Muda di Tasik Chini dan *Water Treatment Plant Open Day* di seluruh negara.

MENARIK DI DALAM



Sambutan Hari Hutan ke40 3



Pelancaran Tasik Rusiga 5



Kembara Bersama Media 6



SIDANG PENGARANG eBULETIN NRE

Penaung

Y. Bhg Dato' Zool Azha Yusof
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

Pengarang

Cik Nor Azean Hasan

Jurufoto

En. Mohd Nazri Rapaai
En. Mohamad Haidhir Hamzah

Sidang Redaksi Buletin NRE

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 1, Podium 2, No. 25 Persiaran Perdana
Wisma Sumber Asli Presint 4
62574 Putrajaya.
E-mel : ukk@nre.gov.my

Kandungan

- | | |
|--|-----|
| • Sambutan Hari Air 2011 | 1 |
| • Sambutan Hari Hutan 2011 | 3 |
| • Sambutan Tahun Keluar | 4 |
| • Pelancaran Tasik Rusiga | 5 |
| • Kembara Bersama Media Siri 1 | 6 |
| • Lensa 3 Tahun Bersama Menteri | 7-8 |
| • Rekreasi Santai :
Meredah Hutan Bersama Sang Badang | 9 |
| • Tahukah Anda | 10 |
| • Kampus NRE -Earth Hour— | 11 |

Going Green!

Tinta Editor

Salam Sejahtera & Salam 1NRE

eBuletin NRE edisi Jan–Mac 2011 muncul dengan hasrat untuk berkongsi pengalaman dan maklumat, khususnya di kalangan warga NRE dan seluruh pembaca amnya. Buletin ini telah dimuatkan dengan pelbagai perkembangan dan aktiviti-aktiviti menarik yang berlaku pada awal tahun.

Ternyata, seawal tahun ini banyak aktiviti telah dilaksanakan dengan jayanya antaranya ialah Sambutan Hutan & Tahun Hutan 2011 dan yang paling penting ialah Sambutan Air 2011 yang telah dilancarkan oleh YAB Dato Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri pada 12 Mac 2011.

Justeru, ucapan syabas di atas kejayaan kita mengembleng tenaga, mengharungi suka duka bersama-sama di awal tahun ini. Semoga sepanjang tahun ini NRE akan melangkah lebih gigih dan berdedikasi lagi bagi meningkatkan lagi imej dan prestasi di NRE. Sekaligus akan membantu mencapai lebih banyak lagi kejayaan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti pada masa akan datang.

Semoga berjumpa lagi!

Sekian.

Renungan...

"Always continue the climb. It is possible for you to do whatever you choose, if you first get to know who you are and are willing

SAMBUTAN HARI HUTAN KE 40 & TAHUN HUTAN ANTARABANGSA 2011



Nusajaya, 21 Mac —Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah melancarkan sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke 40 dan Tahun Hutan Antarabangsa 2011 yang ertemakan "Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat". Tema ini melambangkan semangat dan fokus yang tinggi dalam usaha-usaha kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memelihara dan memulihara hutan demi kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

YB Dato Sri Douglas Uggas Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, dalam ucapan aluannya berkata cabaran pengurusan hutan hari ini adalah untuk mengatasi persaingan guna tanah di antara pembangunan dan konservasi yang semakin getir.

Pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Dato' Hj Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor. Bertempat di Taman Nusa Jaya, Johor Bharu. Beliau turut menanam pokok ke 8 juta sempena Kempen Tanam Pokok 26 Juta Pokok menjelang 2014 serta menerima deklarasi melindungi hutan negara daripada pelajar Sekolah Kebangsaan Bandar Baru 2, Johor Bahru.

Antara yang turut hadir memeriahkan sambutan ini ialah, Dato' Haji Mohd Ali bin Haji Hassan, Speaker Dewan Undangan Negeri Johor; Tan Kok Hong @ Tan Yi, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar, Johor; Dato' Zoal Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE; Tuan Haji Obet bin Tawil, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor; Dato' Razani Ujang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Dato' Dr. Abd Latif bin Mohmod, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia



SAMBUTAN TAHUN KELAWAR DI ZOO NEGARA

Hulu Kelang, 13 Januari – Sempena Sambutan Tahun Kelawar 2011, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) beserta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar mengadakan program pameran dan Hari Bertemu Pelanggan sebagai tanda sokongan NRE mewujudkan kesedaran awam tentang keunikan kelawar yang merupakan satu-satunya mamalia yang boleh terbang serta kepentingan di dalam ekosistem hutan di Malaysia.

Program yang dianjurkan oleh pihak Zoo Negara Malaysia bersama Persatuan Animasi ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Hj Zaharin bin Md Arif, Timbalan Presiden Malaysian Zoological Society. Majlis ini turut menyaksikan pemilihan Keluang Man, watak superhero animasi kartun tempatan yang berdasarkan kelawar buah, dipilih menjadi maskot dan rakan promosi Tahun Kelawar 2011-2012 di negara ini. Ini bertujuan untuk menarik minat kanak-kanak untuk mengenali lebih dekat mengenai 1,100 jenis kelawar yang wujud di seluruh dunia dan usaha yang dijalankan untuk melindungi mamalia itu.

Majlis yang bermula seawal jam 9.00 pagi ini, telah dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti ceramah berhubung konservasi dan pengurusan kelawar di Malaysia oleh Prof' Zubaid daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, kuiz, puzzle game dan lain-lain lagi. Antara yang turut hadir ialah, Pengarah Zoo Negara Malaysia, Dr. Mohamad Ngah merangkap Setiausaha SEAZA, Pengarah Institut Biodiversiti, Lanchang, Encik Fakhru Hata serta wakil-wakil daripada Jabatan di bawah NRE serta NGO's.



PELANCARAN JETI TASIK RUSIGA DI PAYA INDAH WETLAND



Rusiga selain kerja mengindahkan lanskap turut dijalankan disekitar zon rekreasi PIW." Kementerian melalui Jabatan Perhilitan turut memperkayakan habitat dari semasa ke semasa untuk menarik lebih banyak hidupan liar ke dalam Paya Indah Wetlands sebagai usaha meningkatkan kepelbagaian hidupan liar dan populasi di PIW," katanya ketika melancarkan Jeti Rusiga di Paya Indah Wetlands.

Menurutnya dalam pada itu, pelbagai langkah dilakukan jabatan bagi menarik lebih ramai pengunjung ke PIW menerusi aktiviti rekreasi baru."Ini termasuk aktiviti berbasikal, kebudayaan rumah Melayu, perkhemahan, lawatan berpandu, mengayuh basikal, *night safari* dan bot Tasik Rusiga. Beliau berkata, Jabatan Perhilitan komited memastikan PIW diperkayakan dan diurus untuk pelbagai tujuan seperti digariskan dalam objektif penubuhannya. Pengurusan PIW mula diambil alih 1 Ogos 2005 oleh Jabatan Perhilitan dengan kekuatan seramai 30 kakitangan. Untuk rekod seramai 24,000 pengunjung melawat PIW pada 2009 dan 2010 manakala sehingga februari lalu, seramai 6,795 pengunjung telah melawat PIW.

Dengkil, 3 Mac - Sebanyak RM 1.27 juta dibelanjakan sepanjang 2010 untuk kemudahan baru dan pengindahan kawasan Paya Indah Wetlands (PIW). Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Douglas Uggah Embas berkata, jumlah itu merangkumi kos pembinaan sebuah menara tinjau setinggi 15 meter di Bukit Akasia, sebuah pelantar di pinggir Tasik Typa dan Jeti Rusiga bagi menyokong aktiviti rekreasi air yang baru diwujudkan untuk menikmati pelancong. Menurutnya PIW mewujudkan pelantar bagi menyokong aktiviti rekreasi air seperti *paddle boat* dan *boat cruise* di Tasik



KEMBARA BERSAMA MEDIA 2011

Lanchang, Pahang - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia telah menganjurkan program Kembara Bersama Media (KBM) Siri 1 2011 di Institut Biodiversiti, Bukit Rengit, Lanchang dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah, Pahang pada 25 hingga 27 Februari 2011. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada wakil Jabatan dan media turut serta menjayakan KBM pada kali ini. KBM bertujuan mengeratkan lagi hubungan baik di antara media massa dengan NRE serta Jabatan/Agensi di samping menjadikan media sebagai rakan informatif melalui "*smart partnership*" yang berterusan. Program ini turut memberi peluang kepada pihak media massa bagi mendapatkan '*first hand information*' mengenai aktiviti Kementerian dan Jabatan serta membantu mempromosikannya di masa akan datang.



Acara flag off oleh Datin Junaidah Kamarrudin), SUB Kanan Khidmat Pengurusan NRE



Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini, antaranya taklimat dari wakil Perhilitan, En. Fakhrul Hatta, Pengarah IBD, Dr. Sivananthan T. Elagupillay dari Bahagian Ekopelancongan dan Pn. Farah Azfa Mohd. Sapari dari Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan, NRE.

Antara aktiviti yang menjadi tarikan KBM kali ini ialah lawatan ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan dan *Deer Land*, senamrobik, aktiviti "*Light Trap*" dan "*Night Walk*" serta sesi Taksidermi. Semua wakil yang hadir telah mendapat pendedahan mengenai aktiviti yang dijalankan di Institut Biodiversiti, Bukit Rengit, Lanchang dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan.



LENSA 3 TAHUN BERSAMA YB MENTERI



LENSA 3 TAHUN BERSAMA YB MENTERI



MEREDAH HUTAN BERSAMA SANG BADANG

oleh : Rosalinda Md. Said

PERNAHKAH anda terfikir untuk meredah hutan belantara dan menikmati keindahan alam semula jadi dengan menunggang gajah persis babak-babak dalam filem?

Percaya atau tidak, itulah keistimewaan dan tarikan terbaru yang ditawarkan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Lanchang, Pahang khusus buat pengunjung-pengunjung tempatan dan juga antarabangsa. Jika sebelum ini, pengunjung hanya didedahkan dengan aktiviti memberi makan dan mandi bersama gajah selain menunggangnya dalam kawasan yang ditetapkan, kini pengunjung turut berpeluang menyusuri kawasan hutan sejauh 1.5 kilometer (km) bersama-sama mamalia darat terbesar itu.

Menurut Ketua Unit Gajah di pusat itu, Nasharuddin Othman, tarikan terbaru yang dikenali sebagai 'Denai Gajah' itu amat bersesuaian dalam memenuhi kehendak dan keperluan pelancong yang tidak puas bermesra dan bersahabat dengan mamalia tersebut menerusi ketiga-ketiga aktiviti eko-pelancongan sedia ada. Bahkan, secara tidak langsung ia dapat menambahkan lagi pengetahuan, kesedaran dan sokongan umum mengenai kepentingan pemuliharaan haiwan liar yang sering menjadi mangsa ancaman manusia itu. Untuk makluman, laluan Denai Gajah itu sudah siap sepenuhnya namun ia masih lagi dalam proses penambahbaikan terakhir sebelum mula dibuka kepada orang ramai pada Jun nanti.



Ibarat pengembaraan ajaib menjelajahi belantara, begitulah perasaan tatkala berada di atas badan mamalia itu. Paling mencabar, tiada sebarang alas atau lapik diletakkan pada badan setiap gajah-gajah tersebut.

Bukan sekadar menunggang gajah, pengunjung akan turut didedahkan dengan keistimewaan khazanah flora dan fauna oleh 'mahut' (pelatih gajah) yang bertugas sepanjang merentasi denai tersebut.

Lucunya, ada dikalangan petugas media yang terpaksa bersabar dengan kerenah gajah yang 'seronok' dan tidak henti mengunyah dan menikmati hidangan daun hijau kegemaran mereka di sepanjang perjalanan yang mengambil masa selama 15 ke 20 minit bergantung kepada kelajuan haiwan tersebut.

Sementara itu, program selama tiga hari yang membawa rombongan kira-kira 33 orang peserta dalam kalangan media dan kakitangan NRE itu turut mengadakan lawatan ke Institut Biodiversiti (IBD), melihat pelaksanaan proses taksidermi selain mengunjungi Taman Rusa.

Sumber : Dipetik dan diringkaskan daripada Utusan Malaysia "Meredah hutan bersama sang badang" 13 Mac 2011

Pengembaraan ajaib

"Bagaimanapun, orang awam dibenarkan menggunakan laluan denai itu untuk aktiviti seperti jogging mahupun pemerhatian burung di sekitar kawasan Rezab Hidupan Liar Krau ini," katanya sewaktu Program Kembara Bersama Media amaran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) di pusat pemuliharaan itu baru-baru ini.

REKREASI SANTAI

TANAH BENCAH @ WETLAND DAN HURAIANNYA

Tanah bencah merupakan kawasan daratan dan kawasan berair yang bertemu. Kawasan tanah bencah sentiasa bertakung airnya sepanjang tahun. Mengikut Persidangan Ramsar (Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia), tanah bencah merupakan kawasan seperti paya, paya gambut, kawasan berair sama ada buatan manusia atau semulajadi, bersifat kekal atau sementara dengan air mengalir atau bertakung, air payau atau air masin termasuklah air yang kedalamannya tidak melebihi 6 meter semasa air surut. (Definisi Persidangan Ramsar di Iran tahun 1971, Malaysia bermula pada tahun 1995 dengan Tasik Bera Pahang merupakan lokasi pertama pertama diisytiharkan sebagai kawasan Ramsar atau bencah pertama negara.)

Kawasan sawah padi merupakan kawasan yang kaya dengan tanah aluvium, tanah paling berkualiti dan sesuai untuk tanaman padi sawah.

Tanah bencah terdiri dari tanah bencah semulajadi serta tanah bencah buatan manusia. Antara tanah bencah semulajadi di Malaysia melibatkan Tasik (seperti Tasik Bera dan Tasik Cini), Sungai, Kuala (contohnya Kuala Gula di Perak), paya gambut (contoh popular seperti Paya Indah Wetlands di Selangor) serta delta (seperti Delta Rajang di Sarawak, iaitu Sungai Rajang). Manakala tanah bencah buatan yang popular ialah seperti empangan seperti empangan Kenyir, kawasan sawah padi seperti di Kedah, Perak dan Selangor.

Tanah bencah mempunyai sifat ekologi yang sangat dinamik, malahan kepelbagaian biodiversiti juga terdapat di sini. Peranan tanah bencah sangat rapat dengan ketamadunan manusia iaitu melibatkan sumber air dan makanan. Malahan membuktikan kewujudan negara atau kerajaan purba seperti di Mesir, China, India malahan Malaysia sendiri di dirikan serta maju di kawasan muara sungai.

Antara fungsi atau kepentingan tanah bencah ialah:

Sumber

Tanah bencah sebenarnya merupakan sumber air kepada hidupan secara langsung atau tidak langsung. Tanah bencah menyediakan air yang boleh terus diambil, malahan kawasan tanah bencah juga berkait rapat dengan sumber air seperti air perigi. Tanah bencah menyediakan sumber air utama pada air bawah tanah atau akuifer. Tasik juga membekalkan air kepada penduduk sekitarnya seperti di Pahang.

Air

Kawalan Banjir

Tanah bencah sebenarnya mampu memerangkap air sewaktu banjir dan membantu melindungi kawasan rendah daripada di landa banjir. Oleh kerana tanah bencah merupakan kawasan yang rendah maka tahap takungan airnya tinggi. Walaupun sudah berair... banyak tempat tanah bencah sekadar mempunyai air yang minimum sahaja dan mampu menampung air pada waktu hujan lebat.

Memerangkap sedimen

Tanah bencah berfungsi seolah-olah sebagai filter yang boleh memerangkap sedimen seperti kelodak yang melaluinya sebelum menuju ke laut. Malahan fungsinya yang unik ini bagi paya bakau merupakan penambak laut semulajadi. Sedimen serta kelodak yang terperangkap bertahun-tahun lamanya membolehkan tanah daratan bertambah luas.

Pelindung Pinggir Pantai

Tanah bencah melindungi pinggir pantai daripada mengalami proses hakisan yang serius. Malahan tanah bencah juga merupakan penebat tenaga angin untuk menyerap tenaga angin ketika berlakunya ribut di pinggir pantai. Malahan dikatakan jika sepanjang pantai di Banda Aceh tanah bencahnya tidak diganggu untuk pembangunan, tanah bencah yang dipenuhi dengan pokok bakau mampu menyerap hentaman tsunami sebanyak 30%.

ABOUT EARTH HOUR

Earth Hour started in 2007 in Sydney, Australia when 2.2 million individuals and more than 2,000 businesses turned their lights off for one hour to take a stand against climate change. Only a year later and Earth Hour had become a global sustainability movement with more than 50 million people across 35 countries/territories participating. Global landmarks such as the Sydney Harbour Bridge, CN Tower in Toronto, Golden Gate Bridge in San Francisco, and Rome's Colosseum, all stood in darkness, as symbols of hope for a cause that grows more urgent by the hour.

In March 2009, hundreds of millions of people took part in the third Earth Hour. Over 4000 cities in 88 countries/territories officially switched off to pledge their support for the planet, making Earth Hour 2009 the world's largest global climate change initiative.

On Saturday 27 March, Earth Hour 2010 became the biggest Earth Hour ever. A record 128 countries and territories joined the global display of climate action. Iconic buildings and landmarks from Asia Pacific to Europe and Africa to the Americas switched off. People across the world from all walks of life turned off their lights and came together in celebration and contemplation of the one thing we all have in common – our planet.

EARTH HOUR

Sumber : Dipetik daripada <http://www.earthhour.org/>

KLCC

